


TERDAPAT 21 buah monumen yang pasti akan menerbitkan rasa kagum pengunjung saat berada di Taman Tamadun Islam di Pulau Wan Man.



MASJID Xian dari China yang tetap menerapkan reka bentuk pagoda dalam seni binanya.

DIBINA dalam nisbah 1:8 daripada saiz sebenar monumen, ia masih mengekalkan reka bentuk dan dekorasi luaran.



kosmo 22/3/12.  
MS 3H.

TAMAN Tamadun Islam yang terletak di Pulau Wan Man, Terengganu sememangnya memberikan aura luar biasa kepada pengunjungnya.

Ia ibarat membawa pengunjung menjelajah menyaksikan keindahan reka bentuk seni bina monumen penting Islam dari seluruh dunia.

Taman itu juga merupakan taman tema bercirikan Islam yang pertama di dunia dari segi kesenian reka bentuk serta kebudayaan yang menonjolkan keunggulan Islam.

# Refleksi keagungan monumen Islam

destinasi

Antara monumen yang terdapat di sana ialah Masjid Abu Nasr Pasra dari Afganistan, Masjid an-Nabawi dari Arab Saudi, Masjidil Haram dari Arab Saudi, Masjid Sultan Omar Syarif dari Brunei, Masjid Xian dari China, Taj Mahal dari India dan Masjid Kuddus Mina dari Indonesia.

Momumen menarik lain ialah Masjid Sheikh Lutfalla dari Iran, Masjid Besar Samara dari Iraq, Masjid Negara dari Malaysia, Masjid Mohamed Ali dari Mesir, Masjid Besar Agadez dari Nigeria, Masjid Badashi dari Pakistan, Kubah As-Sakhras dari Palestin dan Masjid Kul Sharif Tatarstan dari Rusia.

Bagi memudahkan pemahaman dalam kalangan pengunjung, sesetengah monumen yang dibina di sana turut

dilengkapi dengan panggung khas untuk tayangan video. Ia sebagai menyahut kehendak orang ramai yang mahukan maklumat secara interaktif.


Untuk memasuki Taman Tamadun Islam itu, bayaran tiket sebanyak RM10 dikenakan bagi dewasa dan RM5 bagi kanak-kanak serta warga emas yang berusia lebih daripada 60 tahun.

Pelancong luar pula dikenakan bayaran sebanyak RM20.

Sebagai tanda kenangan, pengunjung juga diberikan sebuah buku kecil sebagai pasport yang mengandungi maklumat ringkas mengenai setiap monumen yang

terdapat di dalam taman tema tersebut. Pengunjung boleh mendapatkan cap khas pada pasport berkenaan apabila singgah di monumen tersebut.

Lebih menarik lagi, mereka yang menyimpan pasport berkenaan untuk lawatan kali kedua dan seterusnya akan mendapat potongan harga yang disediakan oleh pihak taman tema.



MASJID PATTANI dari negara jiran Thailand.

INFO

### Taman Tamadun Islam

**Alamat:** Pulau Wān Man, Kuala Terengganu

**Waktu operasi:** 9 pagi - 7 petang (Jumaat, Sabtu dan Ahad).

10 pagi - 7 petang (Isnin, Rabu dan Khamis). Ditutup pada hari Selasa kecuali musim cuti sekolah

**Tel:** 09-627 8888

**PENGUNJUNG** diberikan sebuah buku pasport yang boleh dicap di setiap destinasi monumen.

KUBBAH AS-SAKHRAH  
PALESTINE

PENGUNJUNG boleh menyaksikan tayangan video di dalam panggung khas di beberapa monumen seperti Kubbah As-Sakhras.

